

Kolej kediaman kondusif pelengkap sistem pendidikan IPT

UB 29.8.2019 B3

KOTA KINABALU: Bulan September adalah bulan kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT), khususnya Universiti Awam di Malaysia dengan anggaran seramai 50 ribu orang. Bagi Universiti Malaysia Sabah (UMS), dijangkakan seramai lebih kurang 4,000 pelajar akan mendaftar bermula 3 September 2019.

Menurut Pengarah Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti, UMS merangkap Setiausaha Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM) Talib Abdullah Shani, semua pelajar baharu diwajibkan tinggal di tempat penginapan yang disediakan oleh universiti masing-masing, atau dikenali sebagai kolej kediaman. Penginapan di kolej kediaman ini adalah sekurang-kurangnya pada tahun pertama pengajian.


Di UMS, Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti (PPPH) bersama kolej-kolej kediaman adalah bertanggungjawab menguruskan penempatan pelajar tahun pertama, manakala pada tahun kedua pengajian, kebanyakannya Universiti Awam termasuk UMS, penempatan di kolej kediaman bukan lagi menjadi kewajipan, terdapat beberapa kriteria yang perlu dipenuhi untuk membolehkan pelajar kekal di kolej kediaman. Senario ini adalah untuk memastikan pelajar tahun pertama dapat didedahkan, berasimilasi dan mampu berdiskari dengan kehidupan kampus yang bermula di kolej kediaman.

Kini, kolej kediaman tidak lagi dilihat sebagai sebuah tempat penginapan semata-mata yang sinonim dengan jolokan aktiviti rutin 3K, iaitu iaitu katil, kafeteria dan komputer, malah ianya lebih luas daripada itu, dimana kolej kediaman perlu mampu menjana 3K, iaitu

kemahiran insaniah atau soft skill, keharmonian dan kesejahteraan. Nilai utama atau core value yang perlu ada dalam pengurusan kolej kediaman adalah 3L, iaitu life (kehidupan), learning (pembelajaran) dan leading (memimpin).

“Seperti saya katakan di atas, *core value* dalam pengurusan kolej kediaman adalah intepretasi kepada matlamat dan fungsi kewujudannya di universiti. Life bermaksud kolej kediaman menyediakan sebaik dan semampu mungkin penginapan, kemudahan dan persekitaran yang kondusif, selamat dan sihat agar pelajar merasakan seperti berada dalam suasana rumah sebenar. Learning pula bermaksud kolej kediaman menyediakan ruang dan peluang serta kemudahan yang dapat mewujudkan suasana pembelajaran, pembangunan *soft skill* dan akhirnya mencipta pengalaman holistik sepanjang bergelar pelajar universiti atau mahasiswa. Manakala leading pula bermaksud kolej kediaman memimpin pelajar agar mereka mampu menjadi graduan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan,” katanya.

Garis Panduan Pengurusan dan Pembangunan Kemudahan Kolej Kediaman IPTA oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia pada tahun 2012, menggariskan lima fungsi utama kewujudan kolej kediaman, iaitu; penginapan – menyediakan kemudahan penginapan atau tempat tinggal yang selesa, kondusif dan selamat; keselamatan dan kesejahteraan – memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelajar terjamin sepanjang mereka berada di kolej kediaman; kemudahan dan perkhidmatan



TALIB

– menyediakan kemudahan prasarana, komunikasi, rekreasi dan sukan; akademik – menyediakan ruang, kemudahan dan bantuan pembelajaran yang baik; dan pembangunan insaniah – melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh membangunkan modal insan pelajar secara lengkap dan bersepadan.

Oleh itu, matlamat dan kewujudan kolej kediaman di IPT bukan sekadar tempat penginapan, tetapi juga sebagai tempat di mana proses pembelajaran terlaksana. Pada lazimnya, proses pembelajaran hanya berlaku di dewan atau bilik kuliah, makmal, perpustakaan atau mana-mana tempat pembelajaran lain. Namun demikian, potensi sebenar kolej kediaman sebagai pusat pembelajaran kedua masih belum dieksplorasi dan dioptimumkan sepenuhnya.

Menurut Murrell dan Denzine, dalam artikelnya bertajuk ‘Community College Residence Hall: A Hidden Treasure’ pada tahun 1998, yang diterbitkan dalam Community College Journal of Research and Practice, penginapan pelajar memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang ke arah proses pembelajaran dan perkembangan kognitif pelajar. Kesan penginapan diang-

gap penting kerana persekitarannya mempengaruhi kesejahteraan dan kesihatan seseorang pelajar serta sebahagian besar daripada perbelanjaan adalah dilaburkan kepada penginapan pelajar atau kolej kediaman.

Sejak dengan itu, UMS melalui Falsafah Penginapan di kolej kediaman telah menyatakan bahawa ‘Kolej Kediaman adalah pusat lanjutan dan pelengkap kepada sistem pendidikan Universiti yang berteraskan semangat integrasi nasional dan memelihara kesejahteraan serta keharmonian warganya’.

Talib berkata kolej kediaman merupakan entiti kedua penting selepas fakulti atau apa-apa nama bagi pusat pembelajaran sesebuah universiti. Ini kerana semua ilmu dan kemahiran yang diperolehi di bilik kuliah akan digarap dan diaplikasikan melalui pelbagai aktiviti pelajar di kolej kediaman.

Berbalik kepada Garis Panduan Pengurusan dan Pembangunan Kemudahan Kolej Kediaman IPTA, lapan domain aktiviti pelajar di kolej kediaman perlu ada bagi memastikan proses pembangunan kemahiran insaniah pelajar terlaksana, iaitu; pertama; Kemahiran komunikasi, kedua; Sosial dan kebertanggungjawaban, ketiga; Nilai, sikap, etika dan profesionalisme, keempat; Kepimpinan dan kerja berpasukan, kelima; Kemahiran kreatif dan inovatif, keenam; Kemahiran pengurusan dan keusahawanan, ketujuh; Pemikiran kritis, menyelesaikan masalah dan pendekatan saintifik dan kelapan; Pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat.

Di UMS melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), perancangan dan pelaksanaan sesuatu program pelajar, termasuk di kolej kediaman hen-

daklah berdasarkan sembilan teras iaitu, pertama; Kepimpinan dan jati diri, kedua; Keusahawanan, ketiga; Inovatif dan kreatif, keempat; Kesukarelawanan, kelima; Seni dan budaya, keenam; Sosial, ketujuh; Rekreasi dan riadah serta kelapan; Pengucapan awam.

Oleh yang demikian, hal-itu aktiviti di kolej kediaman jelas untuk membimbing dan membantu pelajar menjadi individu yang bukan sahaja cemerlang aspek ilmu akademiknya, malah turut cemerlang soft skill nya. Maka, pilihan terletak di tangan pelajar yang bakal menetap di kolej kediaman. Jika ingin cemerlang kedua-dua aspek itu, maka perlulah aktif berpartisipasi dalam aktiviti serta kepimpinan pelajar di peringkat kolej kediaman.

Sesungguhnya, pengurusan kolej kediaman di IPT merupakan satu tugas yang besar dan murni. Tugas ini bukan hanya menyediakan kemudahan penginapan tetapi menjangkau kepada pembinaan sahsiah bagi melahirkan graduan yang bukan sahaja hebat akademiknya, tetapi juga hebat insaniah serta qalbunya, agar mereka mampu menjadi modal insan yang hebat.

Justeru, kepada para pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke Universiti, syabas dan tahniah diucapkan. Gunakanlah peluang terbaik dalam dairi kehidupan anda ini, untuk membangunkan potensi kehebatan anda melalui aktiviti di kolej kediaman dan fakulti masing-masing.

Selamat datang ke kolej kediaman di universiti masing-masing, sesungguhnya kolej kediaman adalah tempat bermulanya eksplorasi kehidupan kampus anda yang pastinya menyeronokkan, mengujakan dan memberi pengalaman yang holistik.